Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 10(1): 53-61 (2002) ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar

ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE, ABD. RAHIM BAKAR &
MOHD. MAJID KONTING
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Kata kunci: Keusahawanan, latihan dan pendidikan keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan, aspirasi keusahawanan

ABSTRAK

Menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan untuk membekalkan pelajar dengan peluang dan potensi untuk memilih kerjaya sebagai usahawan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menunjukkan komitmen mereka terhadap pelaksanaannya. Komponen keusahawanan telah diperkenalkan dalam subjek Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Rendah. Berdasarkan usaha tersebut satu kajian diperlukan untuk menilai semula kesan pendidikan keusahawanan terhadap aspirasi pelajar dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Seramai 1336 pelajar tingkatan 4 telah dipilih dengan menggunakan tatacara persampelan rawak berlapis. Dapatan kajian menunjukkan aspirasi pelajar sekolah masih lagi rendah. Mereka yang mendapat pencapaian tinggi dalam PMR mempunyai potensi keusahawanan yang rendah dan sebaliknya. Terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri dan potensi pelajar yang ingin bekerja sendiri dan makan gaji. Secara keseluruhan sikap dan ciri keusahawanan pelajar adalah sederhana positif. Implikasi kajian dibincangkan dalam kertas kerja ini untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah.

ABSTRACT

Realizing the importance of entrepeneurship education in preparing students with opportunities and potentials to choose future careers as entrepreneurs, the Ministry of Education have shown their commitment towards its implementation. The entrepreneurship component was introduced in the living skills subject at the lower secondary school level. Based on this effort, a study is needed to evaluate the effect of this on students' choices of entrepreneurship as a career. About 1336 Form Four students were selected to participate in the study by using the multi-stage random sampling procedure. Findings indicated that students' aspirations are still low. Those who obtained high academic achievement in PMR examination have low entrepreneurial potential and vice versa. There is a significant difference between students' characteristics and potentials between those who choose to be self employed and those who choose working with others. As a whole, students' entrepreneurial attitudes and characteristics are moderately positive. Implications of the study are discussed in the paper to infuse the entrepreneurial spirit among secondary school students.

PENGENALAN

Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di negara ini. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara pada abad ke-21. Pelbagai usaha dijalankan bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya ialah usaha-usaha khusus yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan.

Usaha membudayakan keusahawanan di kalangan rakyat di negara ini juga dilakukan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah. Budaya keusahawanan mula disemai seawal sekolah rendah dengan memperkenalkan unsur-unsur keusahawanan dalam mata pelajaran matematik. Pembudayaan keusahawanan terus diterapkan di sekolah menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu bermula tahun 1991. Usaha membudayakan keusahawanan diteruskan di peringkat sekolah menengah atas apabila pelajar diberi peluang memilih untuk mengikuti pendidikan perdagangan dan keusahawanan melalui mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi (Kumpulan II).

Matlamat pendidikan keusahawanan sekolah ialah untuk membentuk pelajar sebagai pencipta kerja yang berpotensi dan bukan sebagai pencari kerja. Telah banyak dilaporkan bahawa keputusan untuk menubuhkan sesuatu perniagaan adalah berasaskan pemahaman seseorang terhadap aktiviti keusahawanan. Bekerja sendiri dan memiliki perniagaan adalah satu opsyen yang realistik untuk pelajar yang mempunyai kemahiran vokasional dan teknikal (Kent 1990). Malangnya, kebanyakan orang tidak melihat keusahawanan sebagai satu alternatif kerjaya yang wajar diceburi. Jadi adalah penting untuk membentuk sikap yang positif terhadap keusahawanan. Kajian yang dibuat di negara barat telah membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan adalah berkait dengan keputusan untuk memulakan perniagaan atau tidak. Kajian juga telah menunjukkan pengalaman, potensi, ciri keusahawanan, sikap, hobi, persepsi keusahawanan kendiri dan ide perniagaan adalah pengaruh yang kuat terhadap aspirasi keusahawanan. Scott *et al.* (1988) mengenal pasti faktor yang mempengaruhi aspirasi keusahawanan. Faktor yang dikaji termasuklah minat, pengetahuan dan sikap terhadap keusahawanan dan kerjaya dalam bidang perniagaan kecil.

Penekanan kepada pendidikan keusahawanan telah bermula di sekolah menengah rendah apabila pelajar diwajibkan mengikuti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang mempunyai komponen perdagangan dan keusahawanan. Komponen ini diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dengan matlamat untuk mendedahkan para pelajar dengan 'bidang kerjaya' dan maklumat perniagaan supaya pelajar dapat menyedari potensi mereka ke arah menjadi usahawan. Kemahiran Hidup Bersepadu sebagai satu mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal pada tahun 1989 dengan matlamat untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi, kenal faham ekonomi dan mempunyai sifat serta sikap yakin diri, kreatif, inovatif, inisiatif, produktif dan boleh berinteraksi dengan baik.

Tumpuan pendidikan keusahawanan jelas kelihatan pada komponen teras Perdagangan dan Keusahawanan yang diperuntukkan sebanyak 25% daripada waktu pengajaran KHB. Komponen perdagangan dan keusahawanan ini diperkenalkan dengan objektif untuk membolehkan pelajar (a) menjalankan kerja-buat-sendiri, menyenggara dan membaik pulih mudah dan menyedari potensi ke arah menjadi usahawan, (b) meluaskan pemahaman dan mengamalkan prinsip asas perniagaan dan keusahawanan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna atau pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan dan (c) memupuk sifat kreatif, inovatif, suka berusaha, jujur, bekerjasama dan mengamalkan cara kerja yang bersistem, tabiat kerja yang selamat, sihat dan bertanggungjawab.

Komponen perdagangan dan keusahawanan KHB membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas perniagaan dan keusahawanan yang menekankan amalan perniagaan termasuk aspek kewangan dan simpan kira, pengurusan perniagaan, etika dalam perniagaan dan pengeluaran. Pelajar juga dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran tentang konsumerisme. Tujuannya adalah untuk memupuk sikap berdikari, yakin diri, semangat ingin tahu, ingin mencuba dan tidak berputus asa, meningkatkan inisiatif, daya mereka cipta serta berkeupayaan mengenal pasti peluang perniagaan, menggunakan peluang perniagaan dengan bijaksana dan bertindak sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, kejayaan dasar pendidikan keusahawanan yang diperkenalkan di sekolah menengah sangat bergantung kepada pelaksanaan sesuatu rancangan pendidikan. Umpamanya program pendidikan keusahawanan ini akan dianggap berjaya sekiranya pelajar dapat mengubah sikap, iaitu daripada negatif kepada positif terhadap keusahawanan, mempunyai

tahap ciri-ciri keusahawanan yang tinggi serta mempunyai aspirasi yang positif terhadap keusahawanan. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk meninjau ciri, potensi, sikap dan aspirasi pelajar sekolah menengah yang telah mengikuti pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Khususnya, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan kajian berikut ini.

Persoalan Kajian

1. Apakah potensi, sikap, ciri dan aspirasi keusahawanan pelajar sekolah menengah?
2. Adakah terdapat perbezaan gagasan-gagasan potensi keusahawanan di kalangan pelajar berlainan pencapaian akademik?
3. Adakah terdapat perbezaan potensi keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan bidang elektif?
4. Adakah terdapat perbezaan potensi, sikap dan ciri keusahawanan pelajar mengikut jantina?
5. Adakah terdapat perbezaan sikap pelajar terhadap keusahawanan mengikut keperluan latihan keusahawanan dan bidang elektif?
6. Adakah terdapat perbezaan ciri keusahawanan pelajar mengikut kumpulan etnik?
7. Adakah terdapat perbezaan antara potensi keusahawanan pelajar aliran sains dan sastera?

METODOLOGI KAJIAN

Responden kajian terdiri daripada 1336 pelajar Tingkatan 4 di sekolah menengah akademik di Malaysia. Sampel diperoleh melalui penggunaan tatacara persampelan rawak berlapis. Empat negeri telah dipilih secara rawak iaitu Perak, Kelantan, Johor dan Sarawak, dan dua daerah sekolah telah dipilih secara rawak daripada setiap negeri. Responden dipilih secara rawak daripada sekolah-sekolah tersebut. Kajian ini adalah kajian deskriptif tinjauan. Satu instrumen kajian berdasarkan skala 5 mata (1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3=kurang setuju, 4=setuju dan 5= sangat setuju) telah dibentuk untuk mengukur potensi keusahawanan, sikap terhadap keusahawanan dan ciri-ciri keusahawanan pelajar. Maklumat tentang aspirasi keusahawanan pelajar telah diperoleh dengan menanyakan soalan berikut: (1) Apakah cita-cita anda? (2) Jika diberi pilihan, adakah anda akan bekerja sendiri atau makan gaji? Jika anda ingin bekerja sendiri adakah anda akan berniaga atau tidak? Aspirasi keusahawanan ini ditentukan melalui potensi, sikap dan ciri keusahawanan. Ciri keusahawanan ialah sifat atau trait yang membezakan seseorang daripada yang lain dan akan membuat seseorang itu bertingkah laku berbeza-beza.

Dapatan Kajian

Profil Pelajar

Jadual 1 berikut menunjukkan jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian mengikut jantina. Jumlah pelajar perempuan ialah 901 (67%) dan jumlah pelajar lelaki 426 (32%).

Jadual 2 menunjukkan taburan pelajar mengikut aliran pengajian. Jumlah pelajar aliran sastera yang terlibat ialah 1133 (85%) dan aliran sains seramai 203 (15%).

JADUAL 1
Jantina pelajar

Jantina	f	%
Perempuan	902	67
Lelaki	426	32
Tidak Menjawab	9	1
Jumlah	1336	100

Jadual 3 menunjukkan jumlah pelajar mengambil elektif tertentu secara spesifik semasa di Tingkatan 4. Jelas kelihatan kebanyakan pelajar mengambil elektif ekonomi asas (47%) dan perdagangan (44%).

JADUAL 2
Taburan pelajar tingkatan 4 mengikut aliran pengajian

Aliran	f	%
Sains	203	15
Sastera	1133	85
Jumlah	1336	100

Jadual 4 berikut menunjukkan cara pelajar ditempatkan dalam elektif tertentu. Seramai 692 (52%) menyatakan penempatan ke dalam elektif berdasarkan keputusan PMR dan 408 (31%) berdasarkan pilihan sendiri. Hanya 13 (1%) sahaja yang menggunakan ujian khas.

Dapatan juga menunjukkan terdapat komponen tertentu yang paling diminati semasa belajar Kemahiran Hidup Bersepadu. Didapati hanya 367 (28%) pelajar menyatakan di antara

JADUAL 3
Taburan pelajar berdasarkan elektif

Elektif	f	%
Ekonomi Asas	624	47
Perdagangan	590	44
Sastera	358	27
Prinsip Akaun	264	20
Sains Pertanian	178	13
Sains Rumah Tangga	142	11
Matematik Tambahan	136	10
Kejuruteraan	117	9

Nota: pelajar tidak mengikuti satu elektif sahaja

JADUAL 4
Taburan cara pelajar ditempatkan dalam elektif

Cara penempatan	f	%
Pilihan Sendiri	408	31
PMR	692	52
Sekolah Tempatkan	141	11
Ujian Khas	13	1
Tidak Menjawab	83	6
	1336	100

komponen dalam KHB, komponen Perdagangan dan Keusahawananlah yang paling mereka minati. Namun begitu 882 (66%) pelajar merasakan komponen Perdagangan dan Keusahawanan ini paling membantu mereka untuk menjadi usahawan. Penerangannya seperti di dalam Jadual 5.

JADUAL 5
Komponen yang paling membantu pelajar untuk menjadi usahawan

Komponen dalam KHB	f	%
Perdagangan dan Keusahawanan	882	66
Kemahiran Manipulatif	117	9
Sains Pertanian	58	5
Kekeluargaan	49	4
Sains Rumah Tangga	47	4
Tidak Menjawab'	183	12
	1336	100

Jadual 6 pula menunjukkan taburan gred pelajar dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat PMR. Kebanyakan pelajar mendapat gred A (20.1%) dan B (35.5%). Namun kajian juga mendapati ramai di antara pelajar yang mendapat gred yang kurang memuaskan iaitu C

JADUAL 6
Gred Kemahiran Hidup Bersepadu dalam PMR

Gred	F	Peratus
A	254	20.1
B	449	35.5
C	351	27.7
D	165	13.0
E	47	3.7
Total	1266	100.0

Missing =70 (5.2%)

(27.7%) dan D (13.0%). Sebilangan kecil pelajar (3.7%) gagal dalam mata pelajaran KHB.

Dapatan kajian juga menunjukkan sebilangan besar pelajar (n=930, 74%) berhasrat untuk mengikuti latihan keusahawanan jika diberi peluang.

Potensi, Sikap, Ciri-Ciri dan Aspirasi Keusahawanan Pelajar Tingkatan 4

Jadual 7 menunjukkan potensi keusahawanan pelajar. Dalam kajian ini potensi keusahawanan merujuk kepada perkara seperti keinginan untuk memulakan perniagaan, pengetahuan keusahawanan dan kemahiran keusahawanan. Secara am dapat dilihat potensi keusahawanan pelajar adalah masih rendah lagi. Seramai 1080 (81%) pelajar merasakan mereka kurang berpotensi untuk menjadi usahawan. Mereka merasakan bahawa terdapat banyak lagi perkara yang perlu mereka pelajari sebelum mereka boleh memilih kerjaya sebagai usahawan. Data juga menunjukkan hanya 502 (38%) sahaja merasakan mereka mempunyai cukup pengetahuan tentang keusahawanan. Seramai 59% responden ingin

JADUAL 7
Potensi keusahawanan pelajar

	Setuju		Tidak Setuju	
Pernyataan	f	%	f	%
1. Ingin mula berniaga	857	64	479	36
2. Ingin pilih keusahawanan sebagai kerjaya	784	59	552	41
3. Yakin berupaya	705	53	631	47
4. Punyai cukup pengetahuan	502	38	834	62
5. Punyai kemahiran	482	36	854	64
6. Banyak lagi perlu belajar	1080	81	256	19
7. Mahir menilai diri	480	36	856	64
8. Akan mula berniaga	438	33	898	67

memilih keusahawanan sebagai kerjaya dan 41% responden tidak memilih keusahawanan sebagai kerjaya untuk masa depan mereka. Daripada mereka yang ingin memilih keusahawanan sebagai kerjaya didapati seramai 438 (33%) merasakan mereka akan mula berniaga apabila tamat persekolahan nanti.

Walaupun pelajar mempunyai potensi keusahawanan yang agak rendah, namun dapatan kajian mendapati pada umumnya pelajar sekolah menengah mempunyai sikap yang agak positif terhadap keusahawanan (Min = 3.68, S.P. = 0.49) dan mereka mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang sederhana (min = 3.79).

Min tertinggi persepsi pelajar tentang ciri keusahawanan mereka berdasarkan skala 5 mata adalah pada pernyataan seperti berikut: "Jika gagal saya akan terus mencuba hingga berjaya (Min = 4.43)". "Saya akan mencari peluang untuk memperkenalkan barang baru di pasaran (min = 4.42)". "Saya sukakan kerjaya mencabar dan boleh memberi peluang untuk berjaya (Min = 4.31)". "Bila membuat sesuatu saya pastikan ianya dibuat dengan cemerlang (Min = 4.28)". Juga terdapat skor min yang tinggi untuk dua penyataan seperti: "Saya tidak suka orang lain membuat keputusan untuk sesuatu tindakan yang saya perlu lakukan (Min = 4.45)" dan "Bila bersemuka dengan masalah rumit saya tidak lari kepada perkara lain (Min = 4.44)". Dengan nilai min 4.45 dan 4.44 bagi kedua-dua penyataan yang mengukur motivasi dalaman ini, dapatan menunjukkan terdapat sejumlah pelajar sekolah menengah yang mempunyai kawalan dalaman yang tinggi, dan fenomena ini adalah sesuatu yang baik. Secara keseluruhan Jadual 8 berikut menunjukkan ciri-ciri keusahawanan pelajar sekolah menengah, dengan kategori skor yang paling tinggi ialah untuk aspek nilai diri (Min=4.08), kebergantungan (Min=3.86) dan aspek keupayaan melihat dan merebut peluang (Min=3.84).

Bagi aspek aspirasi pula, dapatan kajian dapat dijelaskan dalam Jadual 9. Apabila ditanya secara langsung tentang aspirasi keusahawanan pelajar, seramai 428 (32%) memilih untuk bekerja sendiri dan seramai 590 (44%) memilih untuk makan gaji. Seramai 318 (24%) tidak menjawab.

Aspirasi keusahawanan juga didapati melalui respons kepada soalan berkaitan dengan cita-cita pelajar. Dalam Jadual 10 didapati seramai 384 (37.7%) pelajar bercadang menjadi usahawan. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 59% pelajar yang tiada A telah memilih keusahawanan sebagai kerjaya masa hadapan mereka. Sebilangan kecil daripada mereka yang bercadang menjadi usahawan mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. Hanya 2.6% daripada pelajar yang memilih keusahawanan sebagai pilihan kerjaya memperoleh 5A atau lebih dan sebanyak 8% daripada mereka yang bercadang menjadi usahawan memperoleh antara 3A dan 4A dalam Peperiksaan Menengah Rendah.

JADUAL 8
Ciri-ciri keusahawanan pelajar Tingkatan 4

Ciri-ciri	min (x)
Kawalan diri	3.52
Kebergantungan	3.86
Inovatif	3.64
Mengambil risiko	3.46
Nilai diri	4.08
Nilai kerja	3.56
Inisiatif	3.66
Bertenaga	3.52
Keyakinan diri	3.60
Orientasi kejayaan	3.80
Kecekalan	3.82
Melihat dan merebut peluang	3.84
Berorientasikan kecekapan	3.57

Skala: 1 = sangat tidak setuju 5 = sangat setuju

JADUAL 9
Aspirasi keusahawanan pelajar

Aspirasi	f	%
Kerja sendiri	428	32
Makan gaji	590	44
Tidak menjawab	318	24
	1336	100

JADUAL 10
Cita-cita menjadi usahawan berdasarkan kelayakan akademik peringkat PMR

Jumlah A dalam PMR	f	%
5A ke atas	10	2.6
3A – 4A	30	7.8
1A – 2A	117	305
Tiada A	227	59.1
	384	100

Perbezaan Gagasan-Gagasan Potensi Keusahawanan di Kalangan Pelajar Berlainan Pencapaian Akademik

Jadual 11 pula menunjukkan potensi keusahawanan pelajar mengikut tahap pencapaian akademik dalam PMR. Didapati terdapat perbezaan peratusan "setuju" pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 1A dengan pelajar yang tiada A mengikut gagasan-gagasan potensi keusahawanan. Hasil kajian mendapati pelajar yang langsung tidak mempunyai gred A mempunyai potensi keusahawanan yang tinggi berbanding pelajar yang mempunyai gred A. Dapatan menunjukkan sebanyak 62% daripada pelajar yang langsung tidak mempunyai gred A memilih keusahawanan sebagai kerjaya berbanding 59% bagi yang mempunyai A, 55% yakin berupaya, 39% mempunyai kemahiran, 38% setuju bahawa mereka mahir dalam menilai diri dan 35% setuju untuk mula berniaga apabila tamat sekolah. Kesemua gagasan tersebut didapati lebih tinggi jumlah persetujuan bagi mereka yang tiada A dalam PMR berbanding pelajar yang mendapat A dalam pencapaian PMR.

Potensi Keusahawanan Pelajar Mengikut Elektif Tertentu

Jadual 12 menunjukkan potensi keusahawanan pelajar mengikut bidang elektif mereka di Tingkatan 4. Jelas kelihatan pelajar yang mengambil elektif kejuruteraan dan reka cipta mempunyai potensi keusahawanan yang lebih tinggi berbanding elektif lain. Pelajar yang mengambil elektif Matematik Tambahan mempunyai potensi keusahawanan terendah (Min=3.18).

Perbezaan Potensi Sikap dan Ciri Keusahawanan Pelajar Mengikut Jantina

Dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan tidak mempunyai potensi keusahawanan yang berbeza berbanding pelajar lelaki. Namun begitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar perempuan dengan pelajar lelaki terhadap keusahawanan ($t = 5.09$, $p < 0.05$). Pada umumnya pelajar perempuan mempunyai sikap terhadap keusahawanan yang lebih tinggi (Min = 122.64 dan S.P.=15.68) berbanding pelajar lelaki (Min=118.50 dan S.P.= 16.87). Dari segi ciri keusahawanan, hasil ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t= -3.07$, $p < .01$) antara ciri keusahawanan pelajar perempuan dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan memperoleh skor ciri keusahawanan yang lebih tinggi (Min=3.71, S. P.= .33)) berbanding pelajar lelaki (Min=3.61, S. P. =.28).

Perbezaan Sikap Pelajar Mengikut Keperluan Latihan Keusahawanan dan Bidang Elektif

Hasil kajian menunjukkan sikap terhadap keusahawanan tidak berbeza antara pelajar yang memerlukan latihan keusahawanan dengan pelajar yang tidak memerlukan latihan keusahawanan ($t = 1.401$ $p > 0.05$).

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara pelajar yang berlainan bidang elektif ($F = 1.92$, $p < 0.05$). Pelajar yang mengikuti elektif reka cipta

JADUAL 11
Potensi keusahawanan mengikut pencapaian akademik pelajar

	PMR * Tiada 'A'				PMR ** Ada 'A'			
	S		TS		S		TS	
	F	%	F	%	F	%	F	%
Ingin mula berniaga	507	(64)	282	(36)	350	(66)	170	(34)
Ingin memilih keusahawanan sebagai kerjaya	489	(62)	298	(38)	295	(59)	233	(41)
Yakin berupaya	431	(55)	354	(45)	274	(52)	254	(48)
Punyai cukup pengetahuan	312	(40)	468	(60)	190	(40)	338	(60)
Punyai kemahiran	309	(39)	471	(61)	173	(33)	355	(67)
Banyak lagi perlu dipelajari	654	(83)	129	(17)	426	(81)	102	(19)
Mahir menilai diri	297	(38)	483	(62)	183	(35)	345	(65)
Akan mula berniaga apabila tamat sekolah	277	(35)	427	(65)	161	(30)	367	(70)

* n = 789 S = Setuju
**n = 528 TS = Tidak Setuju

JADUAL 12
Potensi keusahawanan pelajar mengikut mata pelajaran elektif tertentu

Elektif	Potensi Keusahawanan
Kejuruteraan	3.66
Rekacipta	3.65
Perdagangan	3.51
Sains Pertanian	3.48
Ekonomi Asas	3.45
Sains Rumah Tangga	3.42
Prinsip Akaun	3.39
Matematik Tambahan	3.18

Nota: 1 = sangat tidak setuju
5 = sangat setuju

mempunyai sikap yang tinggi (Min = 125.86, S.P = 10.24), pelajar yang mengikuti elektif Sains Pertanian mempunyai sikap yang rendah terhadap keusahawanan (Min = 116.25 dan S.P. = 14.54).

Perbezaan yang Signifikan Antara Skor Ciri-Ciri Keusahawanan Pelajar Mengikut Kumpulan Etnik

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ciri-ciri keusahawanan pelajar berlainan keturunan ($F = 8.756$, $P < .05$). Pelajar bumiputera (Min = 160.31, S.P. = 15.02) dan pelajar India (Min= 161.46, S.P.= 13.8) didapati memperoleh skor ciri yang lebih tinggi berbanding pelajar Cina (Min = 153.78, S.P. = 15.5) dan pelajar lain-lain keturunan (Min= 150.2, S.P.= 12.3).

Perbezaan Antara Skor Potensi Keusahawanan Pelajar Aliran Sains dan Sastera

Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan potensi keusahawanan yang signifikan. Pelajar aliran Sains kurang berpotensi dalam keusahawanan jika dibandingkan dengan potensi pelajar Sastera ($t = -3.12$, $p = < .01$).

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian menunjukkan ramai pelajar sekolah menengah di Malaysia tidak berhajat menjadi usahawan. Hanya terdapat 384 pelajar berbanding 1336 pelajar yang dikaji, ingin menjadi usahawan. Pelajar yang mempunyai kelulusan akademik yang rendah berdasarkan keputusan PMR menunjukkan potensi dan aspirasi keusahawanan yang tinggi berbanding rakan mereka yang mempunyai keupayaan akademik yang tinggi. Terdapat juga perbezaan yang signifikan dalam ciri-ciri dan potensi keusahawanan antara pelajar yang memilih untuk bekerja sendiri berbanding mereka yang ingin makan gaji. Kajian juga menunjukkan ciri keusahawanan pelajar bumiputera adalah lebih tinggi berbanding ciri keusahawanan pelajar bukan bumiputera.

Secara keseluruhan ciri-ciri keusahawanan pelajar sekolah menengah adalah sederhana, dan aspek ciri-ciri keusahawanan yang paling tinggi nilai min ialah nilai diri. Secara keseluruhan pelajar-pelajar mendapat skor yang sederhana untuk aspek motivasi kejayaan dan keadaan ini agak membimbangkan kerana daripada dapatan kajian oleh Zaineah (1981) dan Chan (1986) telah mendapati motivasi kejayaan adalah penting untuk kejayaan usahawan. Dapatan juga menunjukkan pelajar sekolah memperoleh pencapaian rendah dari aspek mengambil risiko dan kawalan diri dan skor untuk ciri 'kebergantungan' adalah lebih menonjol. Kajian ini juga memperoleh dapatan yang serupa seperti yang diperoleh Scott *et al.* (1988). Scott *et al.* menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi aspirasi keusahawanan pelajar. Dapatan kajian mereka mendapati pelajar memang mempunyai minat dalam keusahawanan tetapi masih rendah ilmu pengetahuan tentang cara perniagaan beroperasi. Mereka yang memilih untuk bekerja sendiri memilih untuk mendapatkan lebih latihan dalam keusahawanan. Mohd. Salleh (1992) melaporkan kesan potensi keusahawanan semasa dalam proses pembelajaran akan mempengaruhi aspirasi keusahawanan dan pemilihan untuk bekerja sendiri. Dengan sebab itu dapatan kajian ini mendapati pelajar sekolah menengah yang mempunyai potensi dan ciri-ciri serta sikap yang tinggi perlu dipupuk untuk mewujudkan kesedaran dan persediaan memilih keusahawanan sebagai satu alternatif kepada kerjaya kerana Hatten *et al.* (1995) juga mendapati ciri-ciri dan sikap pelajar berubah setelah terlibat dengan Program Perniagaan Kecil.

Pandangan daripada ramai pengkaji tentang keperluan komponen keusahawanan untuk para pelajar tidak dapat disangkal lagi. Humam (1988) umpamanya menyarankan bahawa latihan keusahawanan perlu untuk memberi pendedahan kepada para pelajar semasa usia masih muda. Sexton dan Kasarda (1992) berpendapat para pelajar memerlukan kefahaman konsep

yang berkaitan dengan keusahawanan serta penerapan ilmu pengetahuan perniagaan merentasi bidang lain agar dapat mengenal pasti bakat yang ada serta merangsang kemahiran dan perubahan sikap. Justeru itu, cara terbaik untuk mengajar ilmu keusahawanan kepada pelajar-pelajar ialah melalui penerapannya dalam bidang pendidikan vokasional (Drucker 1991).

Di Malaysia, beberapa usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pendidikan untuk mendedahkan pelajar ke dunia perniagaan dan keusahawanan. Semua pelajar diberi peluang untuk mengikuti pembelajaran dalam komponen perdagangan dan keusahawanan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup semata-mata untuk memberi kesedaran dan meningkatkan minat untuk memulakan perniagaan sendiri. Di samping itu terdapat pandangan yang berbeza-beza tentang faktor atau perkara yang perlu dititikberatkan dalam mendefinisikan usahawan (Kuratko and Hodgets 1992), dengan itu agak sukar untuk para pendidik di Malaysia untuk menentukan bidang manakah yang perlu diberi perhatian dalam melatih usahawan sama ada dari segi personaliti atau ilmu pengetahuan.

Dapatan daripada kajian ini menjelaskan bahawa pelajar aliran Sains mempunyai potensi diri yang kurang positif terhadap keusahawanan. Jadi bagaimanakah negara kita ingin menggalakkan pelajar yang meminati ilmu sains memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya mereka? Pelajar yang berada dalam aliran Sains selalunya adalah pelajar yang mencapai keputusan PMR yang agak cemerlang berbanding mereka yang berada dalam aliran Sastera. Lagipun negara kita, Malaysia amat mengharapkan pelajar masa kini menjadi usahawan pelapis untuk meneruskan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara industri. Meyer (1992) menyarankan adalah sesuatu yang bijak untuk melatih atau menyediakan pelajar sekolah untuk proses keusahawanan kerana apabila mereka tamat persekolahan nanti, minat untuk memulakan perniagaan akan wujud. Miller (1987) pula mencadangkan dalam usaha untuk menghasilkan pelajar atau para graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan mereka hendaklah dipilih daripada golongan pelajar yang memang mempunyai ciri-ciri tersebut. Salleh (1992) mendapati tingkah laku untuk berniaga adalah berkaitan dengan aspirasi keusahawanan dan bekerja sendiri.

Berdasarkan mata pelajaran elektif vokasional dan teknik yang ditawarkan di sesebuah sekolah menengah, didapati pelajar yang mengambil elektif "reka cipta" mempunyai min potensi keusahawanan yang paling tinggi, diikuti oleh min pelajar "Kejuruteraan" dan "Perdagangan". Walaupun secara keseluruhan min skornya agak sederhana tinggi didapati pelajar dari elektif lain mendapat min skor yang agak sederhana rendah, kecuali pelajar Sains yang mendapat min skor terendah (Min = 3.18).

Jika dikaji latar belakang pelajar, kesemua pelajar melalui pendedahan yang sama kepada keusahawanan. Kesemua mereka akan diajar tentang keusahawanan melalui komponen Perdagangan dan Keusahawanan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Jadi potensi yang tinggi ini mungkin disebabkan oleh gabungan pendidikan vokasional atau teknikal yang begitu baik bagi pelajar elektif reka cipta dan kejuruteraan. Kedua-dua bidang ini merupakan kesinambungan kemahiran manipulatif yang diajar sebagai teras dan pilihan dalam Kemahiran Hidup Bersepadu. Didapati kedua-dua bidang teknikal ini mampu meningkatkan potensi keusahawanan pelajar, maka bidang kejuruteraan/reka cipta perlu diperluaskan penawarannya bersama-sama dengan elektif perdagangan untuk menyepadukan kemahiran perniagaan dan kemahiran teknikal. Mengikut Drucker (1991) pendidikan keusahawanan perlu diterapkan kepada pelajar vokasional (teknikal) supaya pelajar mendapat kemahiran untuk mengkomersilkan pengetahuan teknikal mereka. Dengan ini sistem pendidikan akan dapat berubah mengikut perubahan teknologi dan kehendak negara.

Penggubal polisi pendidikan negara perlu menggabungkan setiap elektif dalam kumpulan vokasional dan teknologi dengan mata pelajaran keusahawanan supaya terdapat gabung jalin antara kemahiran teknikal dan kemahiran keusahawanan (perniagaan). Elektif Sains Pertanian dan Sains Rumah Tangga perlu diperbaiki dari segi kurikulumnya supaya para pelajar dapat melihat kaitan komponen yang diajar dengan bidang perniagaan, kerana terdapat hanya 58 (4%) pelajar (Sains Pertanian) dan 47 (3.5%) pelajar (Sains Rumah Tangga)

dapat melihat kaitan bidang elektif mereka dengan dunia perniagaan.

RUMUSAN

Pelajar sekolah menengah masih lagi mempunyai aspirasi dan potensi keusahawanan yang rendah. Namun begitu sikap dan ciri keusahawanan pelajar ini berada di tahap sederhana tinggi dan positif. Pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik mempunyai skor potensi dan sikap keusahawanan yang lebih rendah berbanding skor pelajar yang kurang baik prestasi akademiknya. Pelajar yang mengambil elektif kejuruteraan dan reka cipta mempunyai potensi keusahawanan yang tertinggi berbanding pelajar elektif lain. Terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar lelaki dengan perempuan, tiada perbezaan yang signifikan antara potensi dengan ciri keusahawanan pelajar mengikut jantina. Tidak terdapat perbezaan sikap pelajar mengikut keperluan latihan keusahawanan, walau bagaimanapun terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara pelajar berlainan bidang elektif. Sikap keusahawanan pelajar bidang elektif reka cipta lebih tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri keusahawanan pelajar yang ingin bekerja sendiri dengan pelajar yang ingin makan gaji. Ciri keusahawanan pelajar yang ingin bekerja sendiri lebih tinggi. Min ciri-ciri keusahawanan pelajar bumiputera lebih tinggi daripada min ciri keusahawanan pelajar Cina. Perbezaan min ini signifikan pada aras .05. Potensi keusahawanan pelajar Sastera adalah lebih tinggi daripada potensi keusahawanan pelajar Sains.

RUJUKAN

Chan N.S. 1986. Achievement motivation of Malay and Chinese entrepreneurs: A study among members of Melacca Members of Commerse. Manuskrip yang tidak diterbitkan. UKM, Bangi.

Drucker P.F. 1991. Our Entrepreneurial Economy. Dalam *Entrepreneurship: Creativity at Work.* Boston Haward Business Review.

Habibah Elias dan Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. 1993. Achievement motivation among Malaysian entrepreneurs. *Pakistan Journal of Psychological Research* **8(1-2)**: 1-11.

Hatten, T.S dan Rushland S.K. 1995. Student attitude toward entrepreneurship as affected by participation in SBI program. *Journal of Education for Business* **70(4)**: 224-227.

Human Haji Muhammad. 1988. Entrepreneurial development in Malaysia with specific reference to training and development initiatives. Disertasi Ph.D. University of Stirling.

Kent C.A. 1990. Entrepreneurship education at the collegiate level: A synopsis and evaluation. Dalam *Entrepreneurship Education: Current Development: Future Direction* disunting oleh Calvin A. Kent. New York: Quorum Book.

Kuratko, D.F. dan R.M. Hodgetts 1992. *Entrepreneurship – A Contemporary Approach.* Edisi kedua. The Duyden Press, A Harcount Press Jovariorich College Publisher.

Meyer, E.C. 1992. A philosophy of entrepreneurship Education. *Business Education Forum* February: 8-9.

Miller, A. 1987. New ventures: A fresh emphasis on entrepreneurial education. *Survey of Business* **23(1)**.

Mohd. Salleh Hj. Din. 1992. The development of entrepreneurship and enterprise in higher education in Malaysia. Disertasi Ph.D. University of Durham.

Nazar, M.M. 1989. An exploration of the personality profile of small scale business bumiputra and non bumiputra entrepreneurs. *Malaysian Management Review* **25(2)**: 19-28.

Scott M. G. dan D.F. Twomey 1988. The long term supply of entrepreneurs: Students career aspirations in relation to entrepreneurship. *Journal of Small Business Management* October: 5-13.

Sexton D.L. dan J.D. Kasarda. 1992. *The State of the Art of Entrepreneurship.* Boston: Kent Pub. Co.

Sharifah Kamaliah Syed Sofian. 1996. The identification of entrepreneurial characteristics among secondary school students in the district of Hulu Langat Selangor Darul Ehsan. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.

Zaineah, L. 1981. Comparison of achievement motivation and the fear of future among entrepreneurs and non–entrepreneurs: A case study. Manuskrip yang tidak diterbitkan. UKM, Bangi.

(*Diterima: 3 Julai 2000*)